

# UiTM rintis program penuaian air hujan

SHAH ALAM 6 April - Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan merintis usaha sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama menggunakan sumber air hujan untuk keperluan domestiknya.

Menurut Naib Canselor UiTM, Prof. Datuk Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar, program yang dilakukan dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu akan melaksanakan penuaian air hujan dari bumbung bangunan, permukaan tanah dan takungan yang direka bentuk khas.

“Program tersebut akan dibiayai oleh JPS manakala UiTM menyediakan kepakaran kejuruteraan awam.

“Air hujan yang dituai akan diproses bagi mengurangkan kadar kandungan asid agar sesuai untuk kegunaan domestik seperti bilik air, mandi dan membersihkan pakaian,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU)

antara UiTM dan JPS di Kampus UiTM Puncak Perdana Puncak Alam, di sini hari ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah JPS, Datuk Nordin Ahmad dan Pengerusi Projek UiTM-UNESCO Malaysia, Prof. Madya Dr. Wardah Tahir.

Pada majlis tersebut, UiTM diwakili oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Datuk Dr. Abdullah Mohamad manakala Nordin mewakili JPS.

Sahol Hamid berkata, program tersebut merupakan sebahagian daripada Program Kampus Bestari yang dilihat dapat memberi manfaat kepada UiTM dalam menjimatkan kos penggunaan air selain memelihara sumber air semula jadi bagi jangka masa panjang.

Beliau berkata, melalui kerjasama dengan JPS juga, UiTM bersama Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) melaksanakan projek mengitar semula sisa makanan terbuang menjadi baja organik.



SAHOL Hamid Abu Bakar (dua dari kanan) bertukar dokumen MoU dengan Nordin Ahmad di Shah Alam, semalam.